

20 JUL 1997

Asean-Pegawai

PEGAWAI, WARTAWAN TIBA UNTUK PERSIDANGAN ASEAN

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Para pegawai kanan dari tujuh negara anggota Asean mula tiba di sini, hari ini, iaitu tiga hari sebelum Persidangan Menteri-Menteri Asean (AMM) yang berlangsung dari Khamis ini.

Antara mereka yang tiba hari ini ialah pegawai-pegawai kanan hal ehwal luar -- Lim Jock Seng dari Brunei, Rodolfo Severino (Filipina), Kishore Mahubani (Singapura), Saroj Chavanaviraj (Thailand), Nguyen Manh Hung (Vietnam) dan Witjaksana Soeganda (Indonesia).

Mereka akan terbabit dalam Mesyuarat Pegawai Kanan dan Jawatankuasa Tetap Asean esok.

AMM dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, persiapan untuk AMM sampai ke kemuncaknya dengan para perwakilan dan wartawan mula berkumpul di sini.

Hotel Sunway Lagoon Resort dengan 450 bilik di Petaling Jaya, dekat sini menjadi tempat berlangsungnya AMM dan penuh dengan aktiviti membabitkan kakitangan hotel hinggalah ke pegawai Wisma Putra yang sibuk dengan persiapan di saat-saat akhir.

Setiausaha Agung Asean Datuk Ajit Singh menyatakan rasa puas hatinya selepas memeriksa pusat media di hotel itu.

Terdapat banyak aduan yang hotel-hotel dalam lingkungan 5 km daripada tempat AMM itu telah ditempah penuh.

Sementara itu, lebih kurang 800 wartawan tempatan dan antarabangsa dijangka membuat liputan persidangan Asean itu.

Mereka datang bukan sahaja dari negara-negara Asean tetapi sehinggalah dari Netherlands, Amerika Syarikat dan Perancis.

Wakil-wakil dari pertubuhan-pertubuhan berita utama seperti CNN, BBC TV, Washington Post, The Economist dan Time Magazine juga berada di ibu negara untuk membuat liputan acara itu. -- BERNAMA

MAM JK PR